

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DENGAN
PERSEPSI AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF
DALAM PELAKSANAAN PENILAIAN KEMAJUAN
BERASASKAN SEKOLAH**

JULIANA OSONG

 PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DENGAN PERSEPSI AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM PELAKSANAAN PENILAIAN KEMAJUAN BERASASKAN SEKOLAH.
IJAZAH: SARJANA PENDIDIKAN (PENILAIAN & PENYELIDIKAN)

SESI PENGAJIAN: 2006-2007

Saya, JULIANA OSONG mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.



Penulis: JULIANA OSONG

Disahkan oleh

PERPUSTAKAAN MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN PUSTAKAWAN



Penyelia: PROFESOR DR VINCENT PANG


Tarikh: 29 Julai 2008

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29 hb Julai 2008



JULIANA OSONG
(PS5-006-139)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : JULIANA OSONG


NO. MATRIK : PS5-006-139

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DENGAN
PERSEPSI AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF
DALAM PELAKSANAAN PENILAIAN KEMAJUAN
BERASASKAN SEKOLAH

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 23/07/2008

DISAHKAN OLEH



PROFESOR DR. VINCENT PANG
(**Penyelia**)

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'M. Pang', is written over a horizontal dotted line.

(**Tandatangan**)

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan kerana dianugerahkan kekuatan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan tesis ini. Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana memberi peluang kepada saya mengikuti Program Sarjana Penyelidikan sepenuh masa dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja pengajian saya selama dua tahun di UMS.

Ramai individu yang memainkan peranan penting dalam usaha saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih kepada suami atas sokongan moral dan material, cadangan, humor dan motivasinya yang telah memberikan saya kekuatan menghadapi segala cabaran dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada putera dan puteri saya yang menjadi sumber motivasi saya dalam penulisan tesis ini. Tidak lupa kepada ibu dan ibu mertua saya yang sering mendoakan kejayaan saya

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr. Vincent Pang, penyelia saya atas masa yang diluangkan untuk membaca dan memberi bimbingan, cadangan, motivasi dan komen yang bernas dan ikhlas daripada beliau dalam menyempurnakan isi kandungan tesis ini. Terima kasih saya juga kepada Profesor Madya Dr. Salleh Rashid kerana membenarkan saya mengikuti kelas kaedah penyelidikan beliau, di samping komen, cadangan dan teguran yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Cik Lai Kit Moi dan Cik Lai Ket Ching (guru cemerlang DG48), Puan Mathilda P. Osong dan Puan Elizabeth Lee yang sudi menjadi pembaca draf tesis ini dan memberikan komen serta cadangan untuk membaiki kandungan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Encik Ajmal Jumah pegawai SPA yang membantu saya mendapatkan maklumat mengenai program PKSM di negeri Sabah.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan James Molijoh, Jovina Kudun, Albert Lai Chin dan Mohd Nazim Ariffin atas bantuan, keyakinan, sokongan dan motivasi kepada saya dalam usaha mengumpulkan data dan juga dalam usaha bersama mendapatkan maklumat ke perpustakaan-perpustakaan di universiti lain dan juga di BPPDP, KPM.


Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada individu-individu, agensi-agensi dan sekolah-sekolah menengah yang secara langsung dan tidak langsung telah memberikan sumbangan kepada kajian, pengumpulan data dan penghasilan tesis ini. Kepada semua terima kasih yang tidak terhingga dan doa saya semoga budi baik anda semua akan mendapat balasan baik daripada Tuhan.

Juliana Osong,
PS05-006-139,
UMS, Kota Kinabalu.

ABSTRAK

Hubungan antara Pengetahuan dengan Persepsi Amalan Pentaksiran Formatif dalam Pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah.


Objektif kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara pengetahuan dengan persepsi amalan pentaksiran formatif oleh guru semasa pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS). Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan persepsi tahap amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah kategori bandar, di bandar-bandar utama di negeri Sabah. Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen iaitu satu set soalan ujian yang mengandungi 40 item dan ditadbir untuk mengukur pengetahuan guru tentang pentaksiran formatif. Instrumen kedua ialah satu set soal selidik berskala Likert yang mengandungi 60 item dan ditadbir untuk mengetahui persepsi tahap amalan pentaksiran formatif guru semasa pelaksanaan PKBS. Seramai 350 guru sekolah menengah terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Pengumpulan data menggunakan soalan ujian dan soal selidik yang dikendalikan oleh pengkaji dibantu bersama oleh pengetua sekolah atau guru penolong kanan. Data dianalisis menggunakan program *SPSS for MS Windows Version 16.0*. Taburan kekerapan dan peratusan demografi responden, tahap pengetahuan dan persepsi tahap amalan guru dianalisis secara deskriptif, sementara hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan pentaksiran formatif dengan pemboleh ubah bersandar iaitu amalan pentaksiran formatif dianalisis menggunakan *Pearson product-moment correlation coefficient*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan persepsi tahap amalan guru adalah sederhana. Keputusan kajian juga mendapati wujud hubungan yang kuat antara pengetahuan dengan persepsi amalan pentaksiran formatif oleh guru semasa pelaksanaan PKBS.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The objective of this research is to identify the relationship between knowledge and teachers' perception on the practice of formative assessment in implementing the School-based Evaluation. The research is also aimed to determine the level of knowledge and the perception on the level of practice of the formative assessment amongst the urban-categorized secondary school teachers, teaching in various main cities in Sabah. Two instruments are used in conducting the research. The first instrument is a set of test paper which consists of 40 items to measure teachers' level of knowledge on formative assessment. The second instrument is a set of Likert scale questionnaire which consists of 60 items to determine teachers' perception on the level of practice of formative assessment in implementing the School-Based Evaluation. A total of 350 secondary school teachers were involved in this research. The data collection for both test paper and questionnaire were conducted by the researcher with the help of the school principals or the senior assistants. The data is analyzed by using the SPSS for MS Windows Version 16.0 program. The frequency of distribution and the respondents' demographic percentage, level of knowledge and the perception on teacher's level of practice are analyzed descriptively, while the relationship between independent variable which is the knowledge of formative assessment with dependent variable which is the practice of formative assessment are analyzed using the Pearson product-moment correlation coefficient. The finding of the research reveals that teachers' level of knowledge and the perception on the level of practice is moderate. There is also a relationship between knowledge and perception on the practice of formative assessment amongst teachers during the implementation of the School-Based Evaluation.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TAJUK

PENGAKUAN CALON

ii

PENGESAHAN

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

SENARAI KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

ix

SENARAI RAJAH

x

SENARAI SINGKATAN

xi

BAB1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Soalan Kajian	13
1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Operasi	17
1.10	Rumusan	18

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Penilaian dan Pentaksiran dalam Pendidikan	20
2.3	Pentaksiran Formatif	29
2.4	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS)	40
2.5	Penilaian Kendalian Sekolah Menengah (PKSM)	53
2.5.1	Aspek yang Dinilai	55
2.5.2	Kaedah Penilaian	57
2.5.3	Instrumen Penilaian	58
2.5.4	Aktiviti Merekod dan Melapor	64
2.5.5	Tindakan Susulan	65
2.5.6	Ciri-ciri PKSM	67
2.5.7	Langkah-langkah Pelaksanaan	67
2.6	Asas Teori Kajian	70
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	79
2.8	Hubungan antara Pemboleh ubah	81
2.9	Dapatan Kajian Lepas	82

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	93
3.3	Populasi dan Pensampelan	94
3.4	Instrumen Kajian	97
3.4.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Ujian	98
3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	100
3.5	Pengumpulan Data	103
3.6	Prosedur Kajian	103
3.7	Analisis Data dan Interpretasi	104
3.8	Kajian Rintis	107
3.9	Rumusan	112

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	113
4.2	Maklumat Latar belakang Responden	113
4.3	Dapatan Kajian	119
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru dalam Pentaksiran Formatif	119
4.3.2	Persepsi Tahap Amalan Pentaksiran Formatif oleh Guru	121
4.3.3	Pengujian Hipotesis	123
4.4	Rumusan	127

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	128
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	128
5.3	Perbincangan	129
5.3.1	Tahap Pengetahuan Pentaksiran Formatif Guru	129
5.3.2	Persepsi Tahap Amalan Pentaksiran Formatif oleh Guru	132
5.3.3	Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan	133
5.4	Cadangan	137
5.5	Kesimpulan	141

BIBLIOGRAFI

Lampiran A	Sekolah Populasi Kajian	157
Lampiran B	Rajah Populasi dan Pensampelan	159
Lampiran C	Sekolah Sampel Kajian	160
Lampiran D	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan	161
Lampiran E	Instrumen 1 (soalan ujian)	162
Lampiran F	Instrumen 2 (soalan soal selidik)	171
Lampiran G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari BPPDP, KPM	174
Lampiran H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN Sabah	175
Lampiran I	Item Fit Map Pengetahuan Pentaksiran Formatif	176
Lampiran J	Item Fit Map Amalan Pentaksiran Formatif	177
Lampiran K	Rumus Analisis Item	178

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Perbezaan antara Penilaian dengan Pentaksiran	25
Jadual 2.2 Perbezaan antara Pentaksiran Formatif dengan Sumatif	32
Jadual 2.3 Perbezaan antara URN dengan URK	46
Jadual 2.4 Perbezaan PBS dengan PP	54
Jadual 2.5 Aspek-aspek yang Dinilai dalam PKSM	56
Jadual 2.6 Jadual Spesifikasi Ujian	59
Jadual 2.7 Senarai Semak	61
Jadual 2.8 Skala Kadar	62
Jadual 2.9 Senarai Semak Penilaian Lisan	63
Jadual 2.10 Ciri-ciri PKSM	67
Jadual 2.11 Hubungan Taksonomi dengan Gaya Pembelajaran	73
Jadual 2.12 Ciri-ciri Teori Behaviourisme, Kognitivisme, Konstruktivisme	77
Jadual 2.13 Hubungan Pentaksiran dengan Pembelajaran	78
Jadual 3.1 Taburan Sekolah Sampel Mengikut Lokasi dan Jenis Sekolah	95
Jadual 3.2 Jadual Spesifikasi Ujian (Instrumen 1)	98
Jadual 3.3 Jadual Spesifikasi Item (Instrumen 2)	101
Jadual 3.4 Skala Likert 5 poin	102
Jadual 3.5 Jadual Pentadbiran Kaji Selidik Lapangan	103
Jadual 3.6 Skala Tahap Pengetahuan	105
Jadual 3.7 Skala Tahap Pengetahuan Mengikut Aspek	105
Jadual 3.8 Skala Persepsi Tahap Amalan	106
Jadual 3.9 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	106
Jadual 3.10 Ringkasan Kaedah Statistik	107
Jadual 3.11 Indeks Aras Kesukaran	109
Jadual 3.12 Jenis Item dan Nisbah Jawapan	109
Jadual 3.13 Indeks Diskriminasi dengan Penilaian Item	109

Jadual 3.14	Nilai Alfa Cronbach Instrumen (kajian rintis 1)	111
Jadual 3.15	Nilai Alfa Cronbach Instrumen (kajian rintis 2)	112
Jadual 4.1	Responden dalam Kajian	113
Jadual 4.2	Kekerapan dan Peratusan Kumpulan Responden	114
Jadual 4.3	Statistik Deskriptif Kumpulan Responden ikut Pengalaman	115
Jadual 4.4	Ujian Kesamaan Varian	116
Jadual 4.5	One-Way Anova	116
Jadual 4.6	Ujian Post Hoc Kumpulan Responden ikut Pengalaman	117
Jadual 4.7	Kekerapan dan Peratusan Kumpulan Responden ikut Kelayakan	118
Jadual 4.8	Kekerapan dan Peratusan Kumpulan Guru ikut Jawatan	118
Jadual 4.9	Kekerapan dan Peratusan Komponen Tahap Pengetahuan Guru	120
Jadual 4.10	Analisis Min dan Sisihan Piawai Amalan Guru	121
Jadual 4.11	Kekerapan dan Peratusan Persepsi Guru terhadap Amalan	122
Jadual 4.12	Analisis Min dan Sisihan Piawai Tahap Amalan	123
Jadual 4.13	Analisis Hubungan Pengetahuan dengan Amalan	124
Jadual 4.14	Analisis Hubungan Konsep dengan Amalan	124
Jadual 4.15	Analisis Hubungan Konsep dengan Sub-skala Amalan	125
Jadual 4.16	Analisis Hubungan Proses dengan Amalan	125
Jadual 4.17	Analisis Hubungan Proses dengan Sub-skala Amalan	126
Jadual 4.18	Analisis Hubungan Hasil dengan Amalan	126
Jadual 4.19	Analisis Hubungan Hasil dengan Sub-skala Amalan	127
Jadual 5.1	Hasil Ujian Korelasi Pearson	134

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Langkah-langkah Menyediakan JSU	60
Rajah 2.2	Rekod Anekdot	62
Rajah 2.3	Tindakan Susulan	66
Rajah 2.4	Carta Aliran Pelaksanaan PKSM	68
Rajah 2.5	Proses Pembelajaran Masteri	69
Rajah 2.6	Hubungan antara Pengajaran-Pembelajaran-Penilaian	79
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual Kajian	81



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

<i>AFT</i>	<i>American Federation of Teacher</i>
<i>ARB</i>	<i>The Evaluation Resource Banks</i>
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<i>CERI</i>	<i>Centre for Educational Research and Innovation</i>
<i>ESA</i>	<i>Essential Skills Evaluation</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
<i>GAT</i>	<i>General Ability Test</i>
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
<i>IAEA</i>	<i>International Association for Educational Assessment</i>
<i>IQ</i>	<i>Intelligence Quatition</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPS	Jabatan Pendidikan Sabah
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
MPV	Mata pelajaran Vokasional
<i>NAGS</i>	<i>National Administration Guidelines</i>
<i>NCEA</i>	<i>National Certificate of Educational Achievement</i>
<i>NCME</i>	<i>National Council on Measurement in Education</i>
<i>NEA</i>	<i>National Education Association</i>
<i>NEMP</i>	<i>The National Education Monitoring Project</i>
<i>NMSA</i>	<i>National Middle School Association</i>
<i>NZCER</i>	<i>New Zealand Council for Educational Research</i>

P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PAFA	Penilaian Asas Fardu Ain
<i>PAT</i>	<i>Progressive Achievement Test</i>
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PEKA	Program Penilaian Kemahiran Amali
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKBS	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah
PKSM	Penilaian Kendalian Sekolah Menengah
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PP	Penilaian Pusat
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPA	Sektor Pengurusan Akademik
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SSM	Sistem Saraan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
<i>TTLe</i>	<i>The Assessment Tools for Teaching and Learning</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
URK	Ujian Rujukan Kriteria
URN	Ujian Rujukan Norma

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pandangan bahawa penilaian sebagai satu alat untuk menyediakan maklumat bagi membuat keputusan (Cronbach, 1963; Stufflebeam, Foley, Gephart, Guba & Hammond, 1971) telah diterima secara meluas oleh pelbagai organisasi penilaian di dunia. Dalam konteks persekolahan atau di bilik darjah tujuan menilai adalah berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Stufflebeam (2003), penilaian adalah satu proses menyusun, mendapatkan dan menyediakan maklumat yang berguna dalam menghakimi alternatif keputusan. Penilaian bukan untuk membuktikan tetapi untuk penambahbaikan:

Evaluation as a process of delineating, obtaining, reporting, and applying descriptive and judgmental information about some object's merit, worth, probity, and significance, in order to guide decision making, support accountability, disseminate effective practise, and increase understanding of the involved phenomena (Stufflebeam, 2003:10).

Menurut Pang (2005), penilaian merupakan proses yang sistematik untuk mengumpulkan dan menganalisis maklumat, bagi membantu pendidik memahami dan menghakimi hasil dan menentukan cara untuk penambahbaikan proses pendidikan. Dari segi pengajaran, maklumat yang diperolehi dari hasil penilaian yang dijalankan akan dapat membantu guru memperbaiki pengajaran. Sekiranya penyampaian kurang berkesan, maka guru boleh membuat keputusan untuk menggunakan kaedah atau pendekatan lain yang difikirkan lebih bersesuaian. Penilaian sama ada formal atau tidak formal boleh mendedahkan kepada kita kesan yang sangat penting iaitu perubahan dalam pengetahuan, pemahaman, kebolehan dan sikap murid. Keupayaan penilaian menyampaikan maklumat tentang murid menjadi intipati sistem pendidikan (Rowntree, 1987).

Dalam konteks pembelajaran, maklumat daripada pentaksiran boleh digunakan untuk mendiagnosis kelemahan dan kekuatan murid tentang sesuatu topik pembelajaran. Daripada maklumat tersebut juga, guru boleh memberi gred atau markah serta menempatkan murid mengikut aliran pengajian tertentu. Pentaksiran yang dijalankan oleh guru boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis seperti pentaksiran rujukan norma, pentaksiran rujukan kriteria, pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Proses pentaksiran hendaklah disepadukan dengan aktiviti-aktiviti di bilik darjah supaya pentaksiran dapat memainkan peranannya dalam membantu murid dan guru meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). Di samping itu pentaksiran boleh memberikan maklumat tentang taraf pencapaian dan darjah pertumbuhan murid-murid yang berkenaan (PPK, 1996).

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberi penekanan kepada penilaian kemajuan berasaskan sekolah (PKBS) bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang kemudiannya dilanjutkan ke peringkat menengah melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Rasional penilaian ini diberi penekanan adalah disebabkan tujuan dan sifat formatifnya (PPK, 1994). Penilaian kemajuan berasaskan sekolah merujuk kepada dua bentuk pentaksiran ke atas murid iaitu:

- (a) Penilaian dalam bentuk peperiksaan di peringkat kebangsaan di bawah kawalan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang akan diduduki oleh murid pada tahap-tahap tertentu.
- (b) Pentaksiran secara berterusan di peringkat sekolah di bawah kawalan guru yang dijalankan sepanjang tahun persekolahan (PPK, 1991).

Penilaian kemajuan berasaskan sekolah mementingkan peranan guru untuk menilai muridnya. Guru bertanggungjawab mendapatkan maklumat kemajuan dan pencapaian murid secara formal atau tidak formal. Apa yang lebih penting di sini ialah wujudnya pentaksiran secara berterusan dengan menggunakan pelbagai jenis pentaksiran bagi memenuhi fungsinya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap murid supaya bimbingan sewajarnya dapat dilakukan. Murid yang masih belum mencapai tahap kemajuan masih berpeluang untuk memperbaiki diri berdasarkan bimbingan yang lebih daripada guru. Murid yang maju pula diberikan

pengayaan dengan kewujudan aktiviti mencabar untuk meningkatkan pembelajaran ke arah yang lebih cemerlang (PPK, 1994). Penilaian dalam konteks ini adalah proses di mana guru menghakimi kualiti kerja mereka sendiri dan murid mereka. Terdapat dua jenis strategi pentaksiran dalam PKBS iaitu:

- (a) Pentaksiran formatif melibatkan refleksi dan maklum balas yang berterusan serta membenarkan pengajar dan murid secara berterusan menyesuaikan dan memperbaiki hasil kerja mereka semasa proses penilaian berjalan.
- (b) Pentaksiran cara tradisional di mana guru menekankan pentaksiran sumatif dan maklum balas dikumpulkan hanya selepas arahan selesai.

Pelbagai cara pentaksiran digunakan dalam pendidikan. Perkara terbaik yang menjadi perhatian hari ini adalah penggunaannya dalam membantu pengajaran dan pembelajaran, diperjelaskan sebagai "*assessment for learning*" atau juga dikenali sebagai pentaksiran formatif. Sebelum ini pentaksiran banyak menekankan mengenai "*assessment of learning*" atau pentaksiran sumatif yang digunakan untuk merumuskan apa yang diketahui oleh murid atau untuk melaporkan kemajuan dan pencapaian murid sementara pentaksiran formatif digunakan untuk mengesan masalah pembelajaran, kemajuan dan pencapaian murid-murid di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Dari maklum balas yang diperolehi, segala kelemahan dan kesilapan yang dilakukan boleh diperbetulkan. Dengan demikian proses pembelajaran di satu peringkat boleh disempurnakan sebelum beralih ke peringkat yang berikutnya. Perkara ini penting dilakukan kerana masalah pembelajaran adalah berkaitan antara satu sama lain, pembelajaran yang tidak sempurna di satu peringkat akan menyebabkan pembelajaran yang tidak sempurna juga di peringkat susulan. Pentaksiran formatif merupakan usaha pentaksiran yang dijalankan sebelum sesuatu program itu tamat untuk tujuan penambahbaikan (Nan, 2003). Ianya menyediakan maklum balas semasa proses berjalan bagi tujuan memperbaiki. Maklum balas digunakan untuk memperkukuhkan perkhidmatan, program, projek dan juga prestasi staf di samping membuat laporan kemajuan. Dari sudut ini, pentaksiran formatif menyediakan amaran awal mengenai hasil penilaian sumatif jika program yang sedang dijalankan hendak diteruskan (Stufflebeam, 1994).

Kesimpulannya pentaksiran formatif merupakan satu proses pengumpulan data yang bertujuan untuk membantu dalam penambahbaikan dan pembuatan keputusan mengenai sesuatu program atau dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan pentaksiran formatif yang berasaskan sekolah memastikan murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang mengarah kepada penilaian sumatif yang dilaksanakan secara berpusat. Kedua-dua strategi pentaksiran ini diperlukan untuk menyediakan penilaian kurikulum yang berkesan dalam pembelajaran. Ini kerana pentaksiran formatif mempunyai batasannya sendiri, ianya tidak boleh digunakan sendiri untuk menyelesaikan semua masalah pentaksiran yang ada tetapi lebih merupakan pelengkap kepada pentaksiran lain seperti pentaksiran sumatif (Nan, 2003). Kenyataan ini di sokong oleh Berry (2003) yang menyatakan adalah tidak memberikan apa-apa makna jika pentaksiran formatif (berorientasikan pembelajaran) dan pentaksiran sumatif (berorientasikan pengukuran) bersaing antara satu sama lain. Dalam usaha untuk membantu murid belajar, guru perlu menjana imbalan antara keduanya. Kehilangan tumpuan kepada salah satu jenis pentaksiran ini akan mengakibatkan pembelajaran tanpa pemantauan atau pengukuran tanpa pembelajaran. Pentaksiran formatif akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bahagian 2.3.

Kajian ini ingin meninjau pengetahuan guru-guru dalam pentaksiran formatif dan persepsi mereka dari sudut amalannya dalam bilik darjah. Kajian dijalankan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah yang mengajar di sekolah menengah kategori bandar di bandar-bandar utama di negeri Sabah. Pengetahuan dan kemahiran dalam pentaksiran formatif penting untuk melaksanakan penilaian kemajuan berasaskan sekolah dengan berkesan dan menggunakan segala maklumat yang didapati untuk membantu guru mencapai objektif Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) terutamanya dalam mencapai teras kedua iaitu membangunkan modal insan (BPPDP, 2006). Fokus kajian ialah mengenai pengetahuan guru terhadap pentaksiran formatif dan persepsi guru terhadap amalan pentaksiran formatif di bilik darjah semasa pelaksanaan PKBS. Aspek pengetahuan dan kefahaman guru yang dikaji adalah mengenai konsep pentaksiran formatif, pentadbiran pentaksiran, pembinaan dan pemilihan instrumen pentaksiran serta kegunaan maklumat pentaksiran ke arah mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Manakala aspek amalan merangkumi tujuan pentaksiran, pelaksanaan pentaksiran, instrumen yang digunakan dan penggunaan hasil maklum balas dari pentaksiran.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengujian, pengukuran, pentaksiran dan penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Dalam pendidikan, pembelajaran sering dikaitkan dengan perubahan tingkah laku murid. Dengan itu, pengujian merupakan satu prosedur yang sistematik untuk mengukur perubahan sebahagian dari semua aspek tingkah laku seseorang murid terhadap pembelajarannya. Ujian dapat bertindak sebagai alat pengukuran untuk memberi maklumat tentang pencapaian murid dalam pembelajaran. Ujian di sini bermaksud segala aktiviti yang berkait untuk mendapatkan maklum balas daripada individu berasaskan tugas yang dikemukakan kepadanya sama ada menggunakan kertas sebagai pengantara atau pun tidak.

Pengukuran adalah suatu konsep yang bersifat kuantitatif di mana peruntukan nombor diberikan untuk menentukan peringkat pencapaian dan kedudukan murid dalam pembelajaran. Perlu diingat bahawa pengukuran dalam pendidikan tidak bersifat mutlak. Dengan itu ia perlu menuju ke arah keobjektifan agar keputusannya lebih tekal dan boleh dipercayai (Abdul Aziz bin Abdul Talib, 1989). Pengujian dan pengukuran digunakan untuk mengelaskan pencapaian satu kumpulan murid berbanding dengan kumpulan murid yang lain. Menurut Thorndike (1921), bila kita memberikan gred kepada murid, kita sebenarnya cuba membuat pengukuran ke atas murid mengenai kemampuan dan pencapaian murid dalam sesuatu mata pelajaran. Kita cuba menyatakan di mana murid itu berada berdasarkan prestasi murid tersebut dalam sesuatu mata pelajaran. Pandangan mengenai cara membuat penggredan ini tidak banyak berubah hingga kini, dalam hal ini gred mencerminkan penguasaan masteri ke atas pengetahuan dan kemahiran (Hopkins & Stanley, 1990).

Menurut Abdul Aziz bin Abdul Talib (1989) lagi, penilaian ialah proses menentukan perubahan tingkah laku murid dan membuat pertimbangan nilai. Penilaian bukan sahaja meliputi pencapaian dan kemajuan dalam pelajaran tetapi juga pentaksiran dalam semua aspek perkembangan mental, fizikal, minat, sikap, bakat, emosi dan kemampuan murid berkomunikasi. Dalam konteks di sekolah, penilaian adalah suatu proses yang sistematik untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai oleh murid. Penilaian dijalankan secara berterusan, berulang-ulang pada bila-bila masa sahaja. Abdul Aziz bin Abdul Talib

(1989) seterusnya menyatakan dalam usaha untuk menentukan perubahan sekurang-kurangnya penilaian dijalankan dua kali, iaitu sebelum dan selepas penyampaian sesuatu tajuk pelajaran. Perbandingan kedua-dua keputusan akan menunjukkan sejauh mana perubahan tingkah laku telah berlaku atau tahap pencapaian objektif pelajaran itu oleh murid. Jelasnya, penilaian dan pentaksiran adalah konsep yang merujuk kepada sejauh mana pertimbangan nilai yang diberi kepada suatu pengukuran tingkah laku. Kedua-duanya adalah bersifat kualitatif tetapi penilaian mencakupi konteks aktiviti formal di bilik darjah sahaja sementara pentaksiran turut mengambil kira aktiviti tidak formal seperti aktiviti di mana seorang murid bangun di dalam kelas semasa menjawab soalan guru secara lisan (Airasian, 1994).

Kesimpulannya, pengujian, pengukuran, penilaian dan pentaksiran dilakukan terhadap murid secara individu atau berkumpulan adalah untuk mendapatkan gambaran awal tentang kejayaan murid setelah melalui proses latihan atau pembelajaran di sekolah. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sebelum guru boleh melangkah kepada satu konsep yang baru, guru perlu menjalankan pentaksiran untuk mengetahui sama ada murid itu telah menguasai konsep-konsep dan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan. Penilaian sering kali menimbulkan ketegangan kepada murid, guru atau ibu bapa sendiri. Dengan itu, pentaksiran formatif dalam PKSM cuba mengurangkan ketegangan tersebut dengan membuat pentaksiran tanpa membandingkan pencapaian antara murid. Penilaian kemajuan berasaskan sekolah yang dilaksanakan melalui PKSM banyak menekankan tentang pembelajaran masteri, pentaksiran formatif dan juga pentaksiran rujukan kriteria. Ujian rujukan kriteria (URK) memberikan penekanan yang berbeza daripada ujian rujukan norma (URN) di mana matlamat ujian ini bukan untuk membandingkan prestasi antara murid tetapi lebih menumpukan kepada perbandingan terhadap kriteria yang sama, yang telah ditetapkan lebih awal sama ada tercapai atau tidak (Mohd Isha bin Awang, 2005).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Amalan penilaian yang berorientasikan peperiksaan dan bercorak traditional menggunakan kertas dan pensil masih tidak dapat membangunkan perkembangan domain kognitif, afektif dan psikomotor murid pada tahap yang sepatutnya di mana

murid itu berada. Memandangkan hasil penilaian memberi maklumat yang akan digunakan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan masa depan murid maka satu sistem penilaian yang menyeluruh adalah sangat perlu supaya keputusan yang bakal diambil nanti adalah keputusan yang terbaik. Penilaian tradisional yang menggunakan ujian standard tidak mampu untuk mengukur keupayaan murid secara menyeluruh. Menurut O'Neil (1992), liputan yang terkandung dalam sesuatu ujian terpiawai adalah terbatas dari segi kebolehan mengukur aspek-aspek nilai dan penguasaan kemahiran psikomotor diri murid.

Penggunaan satu bentuk alat pengukuran yang sama untuk mengukur individu yang mempunyai pelbagai kelainan dalam ujian standard (terpiawai) adalah tidak adil kepada murid kerana penguasaan dan kemajuan murid berbeza-beza walaupun pada tahap umur yang sama. Secara realitinya murid berada pada pelbagai tahap perkembangan dan kebolehan walaupun pada peringkat umur yang sama. Oleh itu, penggunaan satu bentuk alat pentaksiran yang sama untuk mengukur individu yang berlainan hanya memberi gambaran terhad kepada pendidikan yang sebenarnya. Menurut Linn dan Gronlund (1995), pentaksiran ke atas pembelajaran yang dilalui oleh murid memerlukan penggunaan pelbagai teknik untuk mengukur pencapaian murid:

...but assessment is more than a collection of techniques. It is a process, a systematic process that plays a significant role in effective teaching. A complete picture of student achievement and development requires the use of many different assessment procedures (Linn & Gronlund, 1995:7)

Tiap-tiap murid mempunyai keupayaan dan cara belajar yang berlainan. Adalah tidak wajar untuk mentaksir prestasi mereka dengan cara dan pada masa yang sama. Mengetahui bagaimana setiap murid belajar akan membenarkan guru untuk mentaksir kemajuan seorang murid. Ini menyokong kuat kepentingan menjalankan penaksiran secara individu di peringkat sekolah untuk membuat penghakiman yang lebih tepat dan adil. Menurut Gardner (1999), manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan (*intelligences*): merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semula jadi. Jenis kecerdasan yang dikenal pasti adalah visual-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, *interpersonal*, *intrapersonal* dan *naturalist*.

Pada asasnya Gardner (1983) telah menyenaraikan tujuh jenis kecerdasan iaitu dua yang pertama biasa dinilai di sekolah, tiga yang berikutnya berkait rapat dengan kesenian dan dua yang terakhir Howard Gardner namakan sebagai '*personal intelligences*'. Sejak itu begitu banyak perbincangan dan kajian oleh Gardner dan rakan-rakannya mengenai kecerdasan dan akhirnya telah menambah kecerdasan yang kelapan iaitu kecerdasan mengenai alam semula jadi, haiwan dan tumbuhan (*naturalist intelligence*) ke dalam senarainya (Gardner, 1999). Setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung di mana seseorang mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang dalam domain (bidang kecerdasan) yang lain. Setiap individu mempunyai kelapan-lapan kecerdasan tetapi pada darjah atau kadar yang berbeza-beza dari segi kekuatan dan kemahiran. Kecerdasan tersebut boleh dikembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran. Seterusnya kepelbagaian kecerdasan tersebut membenarkan kepelbagaian kaedah pengajaran berbanding satu kaedah pengajaran sahaja (Gardner, 1993). Dengan itu, penyokong kepada teori Gardner mendakwa yang pendekatan yang lebih baik dalam pentaksiran ialah membenarkan murid menerangkan jawapan mereka dengan cara mereka sendiri menggunakan kepelbagaian kecerdasan yang mereka ada. Kaedah pentaksiran yang dicadangkan termasuklah portfolio murid, projek bebas, jurnal murid, dan tugas kreatif (Lazear, 1992). Teori pelbagai kecerdasan Gardner ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di Bab 2.

Sistem peperiksaan yang menekankan kepentingan kecerdasan dalam matematik, sains dan bahasa, cenderung untuk mengukur kemahiran murid dalam bidang berkenaan. Penyokong kepada teori Gardner sekali lagi menyatakan penekanan ini adalah tidak adil. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan muzik yang baik misalnya boleh tertinggal dalam program khas atau dihantar ke kelas pendidikan khas kerana kelemahan penilaian. Penjelasan kepada perkara ini ialah kemahiran muzik tidak memerlukan skor dalam matematik, sains atau bahasa. Perkara penting di sini adalah guru perlu mengenal pasti dan memilih pentaksiran yang sesuai yang boleh memberikan pandangan tentang kekuatan dan kelemahan murid dengan tepat. Dalam konteks Malaysia, KPM melalui PPK telah mengeluarkan modul dan buku penerangan am mengenai pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai kaedah pedagogi yang mengambil kira pelbagai kecerdasan murid. Dalam

hal ini, perkara yang penting bukan hanya buku panduan tetapi latihan penggunaan buku berkenaan kepada para guru, penekanan pelaksanaannya dan juga pemantauan pelaksanaannya di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Menyedari akan hakikat ini KPM telah melaksanakan program PKSM yang berasaskan sekolah. Penilaian ini berasaskan pentaksiran formatif dan menyokong konsep pembelajaran masteri. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui PPK dan LPM telah memperkenalkan projek KHB pada tahun 1989, kerja kursus dan amali Geografi, Sejarah dan Pengetahuan Agama Islam pada tahun 1992/93 di peringkat PMR, diikuti dengan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) pada tahun 1995 dan seterusnya Pentaksiran Kerja Amali Sains (PEKA) yang telah dimulakan pada tahun 1994 di peringkat sekolah menengah. Di samping itu, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang berasaskan penilaian prestasi diperkenalkan di sekolah akademik serta penilaian kerja kursus Geografi di peringkat SPM pada tahun 2003. Calon-calon PMR dan SPM (bagi semua subjek yang didaftarkan calon) dikehendaki melakukan tugas atau kerja kursus yang menyerupai kehidupan harian mereka dalam persekitaran tempatan. Murid-murid juga dibimbing untuk mampu mengumpul, mengkelas, mentafsir, menganalisis dan mengaplikasikan maklumat secara rasional.

Pelaksanaan kursus PKBS yang dilaksanakan sejak tahun 1992/93 melibatkan sejumlah besar guru-guru di sekolah menengah namun pencapaian PKBS masih tidak pada tahap yang boleh dibanggakan. Kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 1992 (PPK,1994) mendapati bahawa penilaian KBSM di peringkat sekolah masih menjurus ke arah berorientasikan peperiksaan di mana pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran lebih menekankan perkembangan akademik dan mengutamakan prestasi pencapaian peperiksaan. Soalnya kenapakah PKBS masih gagal mencapai objektif pelaksanaannya? Kajian ini akan meninjau mengenai tahap pengetahuan guru-guru tentang PKBS dan juga melihat sama ada amalan guru melaksanakan PKBS sama seperti yang digariskan dalam buku panduan PKSM serta melihat hubungan antara pengetahuan dan amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru di sekolah-sekolah terpilih.

Menurut Khodori bin Ahmad (2000), terdapat *mismatch* dalam amalan pentaksiran iaitu antara perancangan dan pelaksanaan, hasrat dan kaedah dan

antara visi dan misi dalam sistem pendidikan kita. Dengan itu penekanan bahawa amalan pentaksiran harus sesuai dengan tujuan. Kaedah yang digunakan harus sesuai dengan hasrat. Oleh itu seorang guru harus memahami dan menguasai kaedah yang digunakan dalam pentaksiran sekolah yang bertujuan untuk mengesan perkembangan dan penguasaan perkara-perkara yang dihasratkan kerana ianya berbeza dengan kaedah yang digunakan untuk mengesan pencapaian keseluruhan murid untuk tujuan pensijilan. Adalah amat penting setiap guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran berhubung pentaksiran sekolah supaya mereka dapat melaksanakan tujuan penilaian dengan sewajarnya. Sehubungan dengan itu latihan di institut perguruan atau universiti untuk guru pelatih dan juga latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru menekankan lebih kepada pentaksiran sekolah dan bukannya pentaksiran pusat. Pihak-pihak berwajib perlu merancang dan melaksanakan satu pendekatan untuk memastikan guru-guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran tentang instrumen yang sesuai dengan pentaksiran sekolah. Ini kerana masih terdapat guru yang tidak memahami konsep penilaian berasaskan sekolah dan memerlukan lebih banyak latihan dan pemantauan.

Bagi melaksanakan penilaian berasaskan sekolah, guru mesti mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai pentaksiran formatif yang ditekankan dalam PKSM, pengetahuan dan kemahiran mengenai pengukuran dan penilaian memerlukan guru mahir menggunakan pelbagai alat pengukuran untuk memastikan maklumat yang diperolehi itu dapat menggambarkan kebolehan sebenar murid dengan lebih menyeluruh. Selain itu, guru haruslah bersedia untuk melaksanakan PBS dengan penuh tanggungjawab. Menurut Senk, Beckmann dan Thompson (1997), pelaksanaan penilaian bentuk baru dalam kalangan guru-guru sekolah tinggi di Amerika Syarikat masih bergantung kepada pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap penilaian itu sendiri. Ramai guru menganggap bahawa penilaian dan pengujian adalah sesuatu proses yang terasing dari proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian Rudman (1987) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan masalah wujud disebabkan oleh faktor di mana kebanyakan guru mengasingkan pentaksiran dari pengajaran. Terdapat segelintir guru yang mempunyai tanggapan bahawa proses pengujian yang dilakukan tidak memberi faedah dan membuang masa sahaja. Dapatan kajian Rudman (1987) seterusnya menyatakan adalah biasa dalam kalangan guru-guru di Amerika Syarikat mengadu